

Headline	Taman Sinonim pertama di Malaysia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	16	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	865 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,253
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,759



ABD. LATIF MOHMUD telah menyempurnakan majlis dengan penanaman pokok melaka di SPF Selandar, Melaka baru-baru ini.

## Taman Sinonim pertama di Malaysia

**S**EDARCAH kita alam semula jadi dan manusia sebenarnya berkait rapat antara satu sama lain sehinggalah nama tempat yang didiami juga sama dengan nama pokok atau tumbuh-tumbuhan.

Sayangnya, dalam meniti arus pemodenan, makin berkurangnya manusia yang peduli dan prihatin dengan kepelbagaian pokok dan tumbuh-tumbuhan yang ada, terutama spesies yang semakin dilanda kepupusan.

Sejajar itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini telah menubuhkan Taman Sinonim di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Selandar, Melaka sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF).

Taman Sinonim yang pertama di Malaysia itu merupakan taman yang menempatkan 66 pokok daripada 33 spesies tumbuhan yang nama tempatannya sinonim dengan nama tempat di Melaka bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat mengenai keunikan yang ada itu.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, objektif utama penubuhan taman itu adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan am dan panduan kepada masyarakat setempat dalam mengenali tumbuh-tumbuhan yang sinonim dengan tempat di bandar raya bersejarah itu.

Katanya, kewujudan nama-nama tersebut secara tidak langsung memudahkan orang

ramai untuk mengenali dan mengingat nama-nama pokok daripada nama biasa hingga nama pokok yang kurang dikenali atau hampir dan telah pupus.

"Program ini menentang kepentingan pemuliharaan hutan serta memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kewujudan nama-nama tempat yang sinonim dengan nama tumbuhan.

"Di Malaysia, banyak nama tempat dikaitkan dengan nama tumbuhan termasuk negeri, bandar, pekan, kampung, desa, taman, jalan, lorong serta bangunan.

"FRIM berjaya mengenal pasti 149 spesies tumbuhan yang dinamakan atau mempunyai nama serupa dengan tempat-

tempat di Malaysia," katanya ketika ditemui pada Majlis sambutan IDF di SPF Selandar, Melaka baru-baru ini.

SPF Selandar, Melaka telah dibangunkan pada tahun 2009 sebagai stesen penyelidikan bagi uji tanam bahan tanaman yang dihasilkan secara kultur tisu, pelbagai spesies herba yang terpilih dan bagi usaha pemuliharaan kawasan hutan sedia ada.

Di SPF ini, klon tumbuhan terpilih akan dibiak baik secara kultur tisu, dipelihara dan ditanam di setiap SPF sebagai strategi mengelakkan daripada kepupusan.

Antara spesies hutan daripada klon terpilih termasuk pokok meranti temak nipis (*Shorea roxburghii*), jelutong (*Dyera costulata*), karas, batak (*Paraserianthes falcataria*), sesenduk (*Endospermum malaccense*) dan *Eucalyptus* yang ditanam secara *ex situ* (dalam kawasan habitat).

Sementara itu, hampir 80 peserta dari FRIM dan wakil komuniti setempat termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi, kampung serta badan-badan kerajaan terlibat dalam aktiviti penanaman pokok tersebut. Mengulas lanjut, Dr. Abd. Latif

berharap agar Taman Sinonim di SPF Selandar ini menjadi perintis kepada penubuhan taman-taman sinonim mengikut nama tempatan pokok dan tempat di setiap negeri di Malaysia.

Beliau berharap agar usaha penanaman pokok yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat ini akan membentuk komuniti yang lebih prihatin kepada keadaan alam sekitar serta memupuk kesedaran mengenai kepentingan hutan dan pemuliharaannya menerusi aktiviti pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan. -

INTAN SUHANA CHE OMAR

ANTARA peserta yang mengambil bahagian dalam penanaman pokok sinonim dengan nama tempat di Melaka.



DR. ABDUL LATIF MOHMUD bersama pegawai dan peserta yang menyertai sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat FRIM di SPF Selandar, Melaka baru-baru ini.